
BAB 12 PEMBELIAN BALIK SYER**BAHAGIAN A – AM****12.01 Pengenalan**

Bab ini menyatakan kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh perbadanan tersenarai berkenaan dengan pembelian syer perbadanan tersenarai itu sendiri.

BAHAGIAN B – TAKRIF**12.02 Takrif**

Bagi maksud Bab ini, melainkan jika konteksnya menghendaki yang lain -

- (a) **"Transaksi Urusniaga Terus"** ertinya transaksi dalam sekuriti yang dilakukan di luar Sistem Perdagangan Automatik Bursa ("**ATS**") menurut Kaedah-kaedah Bursa;
- (b) **"lot ganjil"** berhubung sekuriti yang disebut dalam Senarai Rasmi, ertinya apa-apa bilangan sekuriti tersebut yang kurang daripada jumlah sekuriti yang ditentukan oleh Bursa sebagai lot dagangan;
- (c) **"Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran"** mempunyai maksud yang diberikan di bawah Kaedah-kaedah Bursa; dan
- (d) **"atas pasaran"** ertinya transaksi yang dilakukan melalui ATS dan tidak termasuk Transaksi Urusniaga Terus, dan Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran.

BAHAGIAN C – KEHENDAK-KEHENDAK AM**12.03 Kebenaran**

Perbadanan tersenarai tidak boleh membeli syernya sendiri -

- (a) dalam Tempoh Tajaan; dan
- (b) melainkan jika pemegang syernya, melalui ketetapan biasa yang diluluskan pada mesyuarat agung, memberikan kebenaran kepada para pengarahnya untuk melakukan pembelian dan -
 - (i) jika ia diperbadankan di bawah Akta Syarikat, ia mematuhi seksyen 112, 113 dan 127 Akta Syarikat; atau
 - (ii) di mana ia merupakan perbadanan asing, ia mematuhi seksyen 112, 113 dan 127 Akta Syarikat tertakluk kepada pengubahsuaian yang diperlukan.

12.04 Transaksi atas pasaran

Tertakluk kepada Kaedah 12.25 (2) di bawah, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa sebarang pembelian oleh perbadanan yang disenaraikan syernya sendiri, atau jualan semula syer perbandaharaannya hanya dilaksanakan atas pasaran Bursa.

12.05 Pengumuman niat untuk mencadangkan pembelian balik syer

Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa apa-apa keputusan oleh lembaga pengarahnya untuk mengemukakan kepada pemegang syer, cadangan untuk perbadanan tersenarai itu diberi kuasa untuk membeli syernya sendiri.

12.06 Penyata Pembelian Balik Syer kepada pemegang syer untuk pembelian syer sendiri

- (1) Perbadanan tersenarai yang ingin mendapat kebenaran daripada pemegang syer untuk membeli syernya sendiri atau memperbaharui kebenaran yang sedia ada, mesti mengeluarkan penyata mengiringi notis mesyuarat agung ("**Penyata Syer Pembelian Balik**") yang merangkumi maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 12A.
- (2) [Dipotong]
- (3) [Dipotong]
- (4) [Dipotong]
- (5) Perbadanan tersenarai mesti menyerahkan Penyata Pembelian Balik Syer kepada Bursa bersama-sama senarai semak yang menunjukkan kepatuhan dengan Lampiran 12A.

12.07 Kandungan ketetapan biasa untuk pembelian balik syer

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memasukkan dalam ketetapan biasa yang dikehendaki di bawah Kaedah 12.03 untuk perbadanan tersenarai membeli syernya sendiri, maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 12B.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti menyerahkan ketetapan kepada Bursa bersama senarai semak yang menunjukkan kepatuhan dengan Lampiran 12B
- (3) Apa-apa kuasa yang diberikan oleh ketetapan itu hanya boleh terus berkuat kuasa sehingga -
 - (a) tamatnya mesyuarat agung tahunan pertama perbadanan tersenarai berikutan mesyuarat agung di mana ketetapan itu diluluskan bila masa ia akan luput kecuali melainkan dengan ketetapan biasa yang diluluskan pada mesyuarat itu, kuasa diperbaharui, sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada syarat;
 - (b) tamatnya tempoh di mana mesyuarat agung tahunan berikutnya selepas tarikh tersebut dikehendaki oleh undang-undang untuk diadakan; atau
 - (c) dibatalkan atau diubah oleh ketetapan biasa yang diluluskan oleh pemegang syer dalam mesyuarat agung,yang mana berlaku terlebih dahulu.

12.08 Pengumuman keputusan mesyuarat agung

Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa keputusan mesyuarat agung yang dipanggil untuk mempertimbangkan cadangan pembelian syer sendiri di Bursa, sebaik selepas mesyuarat itu.

12.09 Had maksimum

Perbadanan tersenarai tidak boleh membeli syernya sendiri atau memegang syernya sendiri sebagai syer perbendaharaan jika ini mengakibatkan agregat syer yang dibeli atau dipegang melebihi 10% daripada jumlah syer terbitannya.

BAHAGIAN D - SUMBER DANA**12.10 Sumber dana**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa pembelian syer sendiri yang dicadangkan dibuat sepenuhnya dari untung tertahan perbadanan tersenarai.
- (2) Bagi maksud mengira jumlah untung tertahan yang tersedia ada bagi melaksanakan pembelian balik syer, perbadanan tersenarai itu tidak boleh menggunakan jumlah untung tertahan tersedia ada berdasarkan kumpulan.

12.11 Jenis-jenis dana

Bagi maksud Kaedah 12.10, tiada sekatan ke atas jenis dana yang boleh digunakan selagi pembelian balik syer disokong dengan suatu jumlah yang bersamaan dengan untung tertahan. Penggunaan pinjaman sebagai sumber pendanaan sepenuhnya berada dalam lingkungan yang dibenarkan dalam Bab ini.

BAHAGIAN E – [DIPOTONG]**12.12 [Dipotong]****12.13 [Dipotong]****BAHAGIAN F - KEHENDAK TAMBAHAN****12.14 Pemegangan syer awam**

Perbadanan tersenarai tidak boleh membeli syernya sendiri di Bursa jika pembelian tersebut akan mengakibatkan perbadanan tersenarai tersebut melanggar Kaedah 8.02 (1).

12.15 Pelantikan broker saham

Perbadanan tersenarai yang bercadang untuk membeli syernya sendiri atau menjual semula syer perbadanharaan di Bursa boleh melantik hingga 2 Organisasi Peserta untuk tujuan tersebut. Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa semua urusan niaga syernya sendiri atau syer perbadanharaan dibuat melalui Organisasi Peserta sahaja.

12.16 Notis pelantikan broker saham

Perbadanan tersenarai mesti menyerahkan simpan notis mengenai pelantikan Organisasi Peserta yang berkaitan dengan Bursa dengan serta merta dan perbadanan tersenarai mesti membuka satu akaun sekuriti atas namanya sendiri dengan Organisasi Peserta yang ditetapkan sebagai "**Akaun Pembelian Balik Syer**" yang mesti digunakan semata-mata untuk pembelian syernya sendiri atau penjualan semula syer perbadanharaan.

12.17 Harga Pembelian

Perbadanan tersenarai hanya boleh membeli syernya sendiri di Bursa dengan harga yang tidak lebih daripada 15% melebihi harga pasaran purata berwajaran untuk syer tersebut selama 5 hari pasaran sejurus sebelum pembelian.

12.18 Harga jualan semula atau harga pindahan

Perbadanan tersenarai hanya boleh menjual semula syer perbendaharaan di Bursa atau memindahkan syer perbendaharaan menurut seksyen 127 (7) Akta Syarikat, pada -

- (a) harga yang tidak kurang daripada harga pasaran purata berwajaran untuk syer itu bagi 5 hari pasaran sejurus sebelum penjualan semula atau pemindahan; atau
- (b) harga diskaun tidak lebih daripada 5% kepada harga pasaran purata berwajaran bagi syer itu bagi 5 hari pasaran sejurus sebelum penjualan semula atau pemindahan dengan syarat bahawa -
 - (i) penjualan semula atau pemindahan dilakukan tidak lebih awal dari 30 hari dari tarikh pembelian; dan
 - (ii) harga penjualan semula atau pemindahan tidak kurang daripada kos pembelian syer yang dijual semula atau dipindah milik.

12.19 Pemberitahuan pembelian

Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa sebarang pembelian syer sendiri tidak lewat dari jam 6.30 petang pada hari pembelian. Perbadanan tersenarai mesti memasukkan dalam pengumumannya, maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran 12C.

12.20 Pemberitahuan penjualan semula atau pindahan

Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa apa-apa penjualan semula atau pemindahan syer perbendaharaannya menurut seksyen 127 (7) Akta Syarikat, tidak lewat dari jam 6.30 petang pada hari penjualan semula atau pemindahan. Perbadanan tersenarai mesti memasukkan dalam pengumumannya maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran 12C.

12.21 Pemberitahuan pembatalan

Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa sebarang pembatalan syer atau syer perbendaharaannya tidak lewat dari jam 6.30 petang pada hari pembatalan. Perbadanan tersenarai mesti memasukkan dalam pengumumannya maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian C Lampiran 12C.

12.22 Pelaksanaan kuasa

- (1) Perbadanan tersenarai dan pengarahnya pada menjalankan kuasa untuk membeli syer perbadanan tersenarai sendiri atau penjualan semula syer perbendaharaan, atau kedua-duanya, adalah tertakluk, pada setiap masa, kepada semua kewajipan yang dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada, peruntukan Bahagian V CMSA.
- (2) Dalam menjalankan kuasanya untuk membeli syernya sendiri atau menjual semula syer perbendaharaan, atau kedua-duanya, perbadanan tersenarai tidak boleh melakukan kegiatan perdagangan spekulatif berhubung pembelian atau penjualan semula tersebut.

12.23 [Dipotong]**12.24 Status syer yang dibeli**

Semua syer yang dibeli oleh perbadanan tersenarai itu akan secara automatik dibatalkan penyenaian atas pembatalannya oleh perbadanan tersenarai.

BAHAGIAN G – KEHENDAK-KEHENDAK BERKAITAN DENGAN PEMBELIAN BALIK SYER LOT GANJIL**12.25 Pembelian balik syer lot ganjil**

- (1) Perbadanan tersenarai yang bercadang untuk membeli syer sendiri dalam lot ganjil ("**syer lot ganjil**") mesti mematuhi peruntukan dalam Bahagian ini, sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Bahagian B, C, D, E dan F Bab ini, jika berkenaan dan dengan pengubahsuaian yang diperlukan.
- (2) Walau apa pun Kaedah 12.04, perbadanan tersenarai boleh membeli syer lot ganjil -
 - (a) melalui Transaksi Urusniaga Terus; atau
 - (b) dalam mana-mana cara lain sebagaimana yang diluluskan oleh Bursa, menurut kehendak-kehendak sebagaimana yang ditetapkan atau dikenakan oleh Bursa.

[Bab tamat]

Lampiran 12A
Kandungan Pernyataan Pembelian Balik Syer**LAMPIRAN 12A****Kandungan Pernyataan Pembelian Balik Syer**
(Kaedah 12.06(1))

- (1) Tajuk yang menarik perhatian akan pentingnya pekeliling dan menasihati pemegang syer yang ragu-ragu mengenai tindakan apa yang harus diambil untuk berunding dengan penasihat bebas yang sesuai.
- (2) Pernyataan bahawa Bursa Malaysia Securities Berhad tidak bertanggungjawab atas kandungan Penyata Pembelian Balik Syer, tidak membuat representasi mengenai ketepatan atau kelengkapannya dan secara tegas menolak sebarang tanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang timbul dari atau dalam bergantung pada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Penyata Pembelian Balik Syer. Berhubung Penyata Pembelian Balik Syer yang belum diteliti oleh Bursa Malaysia Securities Berhad sebelum penerbitannya, pernyataan untuk hal itu.
- (3) Sebab-sebab untuk pembelian yang dicadangkan.
- (4) Jumlah maksimum atau peratusan syer yang akan diperoleh.
- (5) Jumlah maksimum dana yang akan diperuntukkan untuk pembelian yang dicadangkan atau selainnya asas, selain merujuk kepada budi bicara atau pendapat seseorang, atau formula bagi menentukan dana maksimum yang akan diperuntukkan.
- (6) Jumlah keuntungan tertahan berdasarkan penyata kewangan terkini teraudit dan belum diaudit.
- (7) Jumlah syer yang dipegang secara langsung dan tidak langsung oleh pengarah dan pemegang syer substantial.
- (8) Sumber dana bagi tujuan pembelian yang dicadangkan termasuk, jika berkenaan, perincian berkaitan dengan pembiayaan pembelian yang dicadangkan itu, keupayaan pembayaran balik perbadanan tersenarai itu dan kesan ke atas aliran tunai.
- (9) Kepentingan langsung dan tidak langsung para pengarah dan pemegang syer substantial dan mana-mana orang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang syer substantial, atau kedua-duanya, dalam cadangan pembelian syer atau penjualan semula syer perbendaharaan.
- (10) Kedua-dua potensi kelebihan dan kekurangan pembelian yang dicadangkan kepada perbadanan tersenarai dan pemegang syernya masing-masing.
- (11) Apa-apa kesan kewangan yang material terhadap perbadanan tersenarai atau kumpulan jika pembelian yang dicadangkan itu akan dilakukan sepenuhnya pada bila-bila masa dalam tempoh yang dibenarkan yang dicadangkan (seperti modal kerja perbadanan tersenarai dibandingkan dengan kedudukan dizahirkan dalam penyata kewangan teraudit yang terbaru diterbitkan atau diumumkan).
- (12) Pernyataan tentang akibat pembelian yang dicadangkan ke atas perbadanan tersenarai dan pemegang syer berhubung Kod Pengambilalihan dan Percantuman atau berhubung dengan perbadanan asing, undang-undang yang berkaitan di mana ia diperbadankan berkenaan dengan pengambilalihan dan percantuman.

Lampiran 12A
Kandungan Pernyataan Pembelian Balik Syer

- (13) Perincian setiap pembelian yang dilakukan dalam 12 bulan sebelumnya dengan memberikan tarikh setiap pembelian, harga pembelian sesyer atau harga tertinggi, terendah dan purata yang dibayar, dan jumlah balasan yang dibayar untuk pembelian tersebut.
- (14) Bilangan syer yang kini dipegang sebagai syer perbendaharaan dan perincian mengenai apa-apa jualan semula atau pemindahan syer perbendaharaan dibuat dalam tempoh 12 bulan sebelumnya termasuk -
- (a) tarikh setiap penjualan semula atau pemindahan;
 - (b) dalam kes di mana syer dijual semula, harga jualan semula per syer atau, harga jualan semula yang paling tinggi, paling rendah dan purata, dan jumlah balasan yang diterima untuk jualan semula;
 - (c) dalam hal di mana syer dipindahkan, tujuan pemindahan, harga pemindahan dan asas untuk harga tersebut.
- (15) Perincian mengenai sebarang pembatalan syer yang dibuat dalam 12 bulan sebelumnya.
- (16) Perincian mengenai harga tertinggi dan terendah di mana syer yang berkenaan diperdagangkan di Bursa untuk 12 bulan sebelumnya dan harga transaksi yang terakhir pada tarikh pelaksanaan praktikal sebelum mencetak pekeliling.
- (17) Sama ada ia adalah niat yang dicadangkan oleh pengarah untuk mengekalkan syer tersebut sebagai syer perbendaharaan atau membatalkannya, atau kedua-duanya, alasan untuk alternatif yang dipilih, dan jika ada, maklumat mengenai peratusan atau jumlah syer yang dibeli untuk dikekalkan atau dibatalkan, atau kedua-duanya.
- (18) Tebaran pemegangan syer awam perbadanan tersenarai pada tarikh pelaksanaan terkini yang praktikal.
- (19) Pernyataan oleh lembaga pengarah sama ada cadangan itu adalah untuk kepentingan terbaik perbadanan tersenarai.
- (20) Cadangan dari lembaga pengarah mengenai tindakan pengundian yang perlu diambil oleh pemegang syer.
- (21) Lampiran yang mengandungi maklumat berikut:
- (a) pernyataan tanggungjawab oleh pengarah bahawa pekeliling tersebut telah dilihat dan diluluskan oleh para pengarah perbadanan tersenarai itu dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat yang diberi, dan mengesahkan bahawa selepas membuat semua siasatan yang munasabah sepanjang pengetahuan dan kepercayaan mereka, tiada fakta lain, peninggalannya yang mana akan menjadikan sebarang kenyataan dalam surat pekeliling mengelirukan;
 - (b) jika seseorang yang dinamakan dalam surat pekeliling sebagai telah menasihati perbadanan tersenarai itu atau pengarahnya, pernyataan bahawa penasihat itu telah memberikan dan tidak menarik balik persetujuan bertulisnya untuk memasukkan nama atau surat penasihat (mana yang berkenaan), atau kedua-duanya dalam bentuk dan konteks di mana ia dimasukkan;
 - (c) [dipotong]

Lampiran 12A
Kandungan Pernyataan Pembelian Balik Syer

- (d) [dipotong]
- (e) pernyataan bagi tempoh tidak kurang daripada 2 minggu setelah penerbitan Penyata Pembelian Balik Syer, dokumen-dokumen berikut (atau salinan dokumen-dokumen) boleh diperiksa di pejabat berdaftar perbadanan tersenarai:
 - (i) perlembagaannya;
 - (ii) penyata kewangan teraudit dari perbadanan tersenarai atau kumpulan untuk 2 tahun kewangan yang lepas dan keputusan terkini yang belum diaudit sejak penyata kewangan teraudit yang terakhir,
 - (iii) semua laporan, surat atau dokumen lain, penyata kedudukan kewangan, penilaian dan pernyataan oleh mana-mana pakar, mana-mana bahagian yang diekstrak atau disebut dalam pekililing; dan
 - (iv) surat kebenaran yang disebut dalam subperenggan (b) di atas.
 - (v) [dipotong]
 - (vi) [dipotong]
- (22) Sebarang maklumat lain berkaitan dengan pembelian yang dicadangkan sebagaimana pemegang syer dan penasihat mereka akan kehendaki secara munasabah dan dijangkakan terdapat dalam Penyataan Pembelian Balik Syer bagi maksud membuat penilaian berpengetahuan tentang merit meluluskan pembelian yang dicadangkan dan sejauh mana risiko yang terlibat dalam berbuat demikian.

[Lampiran tamat]

Lampiran 12B
Kandungan ketetapan biasa untuk pembelian balik syer

LAMPIRAN 12B

Kandungan ketetapan biasa berhubung pembelian balik syer
(Kaedah 12.07(1))

- (1) Jumlah bilangan atau peratusan dan perihalan syer yang perbadanan tersenarai itu diberi kuasa untuk membeli di Bursa.
- (2) Tarikh di mana kuasa yang diberikan oleh ketetapan akan bermula dan ditentukan.
- (3) Dana maksimum yang akan diperuntukkan oleh perbadanan tersenarai untuk tujuan pembelian syer sendiri atau asas, selain daripada rujukan kepada budi bicara atau pendapat seseorang, atau formula bagi menentukan dana maksimum yang diperuntukkan.
- (4) Sama ada syer yang dicadangkan untuk dibatalkan atau disimpan sebagai syer perbendaharaan, atau kedua-duanya dan, jika ada, maklumat tentang peratusan atau bilangan syer yang telah dibeli yang perlu disimpan atau dibatalkan, atau kedua-duanya.

[Lampiran tamat]

Lampiran 12C
Kandungan pengumuman untuk pembelian, penjualan semula, pemindahan atau pembatalan syer

LAMPIRAN 12C**Bahagian A****Kandungan pengumuman berhubung syer yang dibeli**
(Kaedah 12.19)

- (1) Tarikh pembelian.
- (2) Perihal syer yang dibeli.
- (3) Bilangan syer yang dibeli.
- (4) Harga setiap syer atau, jika berkaitan, harga tertinggi dan terendah yang dibayar.
- (5) Jumlah balasan yang dibayar.
- (6) Jumlah syer yang dibeli yang disimpan dalam perbendaharaan.
- (7) Jumlah syer yang dibeli yang dicadangkan untuk dibatalkan.
- (8) Syer perbendaharaan terkumpul bersih belum dijelaskan pada tarikh pengumuman, jika berkenaan.
- (9) Jika semua atau mana-mana syer dicadangkan untuk dibatalkan, modal syer terlaras.

Bahagian B**Kandungan pengumuman berhubung penjualan semula atau pindahan syer perbendaharaan**
(Kaedah 12.20)

- (1) Tarikh penjualan semula atau pemindahan.
- (2) [Dipotong]
- (3) Jumlah syer dijual semula atau dipindahkan.
- (4) Dalam kes di mana syer dijual semula, harga penjualan semula bagi setiap syer atau, jika berkaitan, harga penjualan semula yang tertinggi dan terendah dijual, dan balasan yang diterima.
- (5) [Dipotong]
- (5A) Dalam kes di mana syer dipindahkan -
 - (a) tujuan pindahan;
 - (b) harga pindahan dan asas bagi harga;
 - (c) kepentingan langsung dan tidak langsung pengarah dan pemegang syer utama dan mana-mana orang yang berhubungan dengan pengarah atau pemegang syer utama dalam pindahan, jika ada; dan

Kandungan pengumuman untuk pembelian, penjualan semula, pemindahan atau pembatalan syer

- (d) jika syer perbendaharaan dipindahkan sebagai balasan pembelian, perincian mengenai penjual sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 3(e), Bahagian A Lampiran 10A.
- (6) Jumlah bilangan syer perbendaharaan yang dipegang selepas penjualan semula atau pindahan.

Bahagian C

Kandungan pengumuman berhubung pembatalan syer

(Kaedah 12.21)

- (1) Bilangan syer dibatalkan.
- (2) Tarikh pembatalan.
- (3) Modal belum jelas dan berbayar perbadanan tersenarai itu selepas pembatalan.

[Lampiran tamat]

Lampiran 12D
Penzahiran dalam laporan tahunan untuk pembelian balik syer

LAMPIRAN 12D

[Dipotong]

[Lampiran tamat]